

# Hak Bumiputera di WPI dipertahan

## Badan amanah jaga pemilikan hartanah orang Melayu akan ditubuh akhir tahun: MB

Oleh Mohd Zin Ali

**J**OHOR BAHRU: Kerajaan menerusi Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Irda) akan mewujudkan amanah hartanah untuk membolehkan pemilikan hartanah masyarakat Bumiputera dalam kawasan WPI tidak terhakis.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata dengan amanah hartanah yang akan dibentuk selewat-lewat pada tahun ini, masyara-

kat Bumiputera akan dapat menyertainya secara beramai-ramai dalam pemilikan harta di kawasan WPI yang syarat Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) digugurkan.

"Melalui mekanisme dalam bentuk amanah hartanah, masyarakat Bumiputera dapat bersama-sama menyertai pemilikan harta di kawasan WPI... walaupun pada nilai rendah tetapi bila dikumpul semuanya akan membentuk gerakan modal yang besar," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memberikan penjelasan kepada kira-kira 1,000 ahli Umno dari seluruh negeri mengenai WPI dan isu semasa di Hotel New York, di sini semalam.

WPI membabitkan kawasan seluas lebih 2,200 kilometer persegi yang dilancarkan secara rasmi oleh Sultan Johor, Sultan Iskandar pada 4 November tahun lalu adalah titik tolak kepada perubahan sosioekonomi dan geopolitik negeri ini.

Bagi meningkatkan kemasukan pe-

labur asing ke WPI, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Kewangan mengumumkan Irda akan memberi status syarikat Irda kepada firma layak.

Syarikat berstatus Irda antara lain layak dikecualikan cukai korporat untuk 10 tahun jika memulakan operasi sebelum 2015 dan dikecualikan cukai pegangan bagi bayaran royalti serta teknikal kepada bukan pemas-tautin untuk tempoh sama.

Selain itu, Abdul Ghani berkata,

pada majlis berkenaan, ahli Umno juga bersetuju supaya agensi berkepentingan Bumiputera digerakkan dalam pelaburan hartanah untuk meningkatkan pemilikan Bumiputera di kawasan WPI.

Beliau berkata, penyertaan Bumiputera dalam WPI juga dapat ditingkatkan dengan menyediakan pekerja yang pakar dan berkemahiran untuk merebut peluang pekerjaan yang ada dalam ekonomi WPI.

Mengenai maklum balas yang di-

terima daripada ahli Umno, Abdul Ghani berkata, orang ramai menga-kui bahawa projek WPI mampu membangunkan ekonomi Johor dalam bidang yang mempunyai lebih nilai tambah termasuk sektor perkhidmatan.

Beliau berkata, rakyat juga menyedari bahawa kawasan WPI akan menjadi kawasan tumpuan pelabur domestik dan asing termasuk penghijrahan di kalangan pekerja mahir dan berpengetahuan.